



PERKESO laksana pelarasan kos sara hidup, kenaikan kadar pence n minimum Skim Keilatan

Oleh Ilah Hafiz Aziz - Januari 27, 2023 @ 5:38pm

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan pelarasan kos sara hidup bagi semua penerima faedah berkala dan kenaikan kadar pence n minimum di bawah Skim Keilatan PERKESO, berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata pelaksanaan kedua-dua inisiatif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 456,000 penerima faedah PERKESO.

Katanya, mereka yang mendapat manfaat adalah penerima faedah PERKESO di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan di bawah Akta 4 seperti Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan, Pencen Ilat dan Pencen Penakat.

Beliau berkata, pelarasan yang dilaksanakan kepada faedah berkala dan pence n yang dibayar kepada penerima faedah berupaya membantu mereka menangani peningkatan kos barang dan perkhidmatan di negara ini, terutama dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka.

"Inisiatif pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala sedia ada dan kenaikan kadar pence n minimum adalah lanjutan daripada Kajian Penilaian Aktuari ke-11 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Ia mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi semasa di Malaysia, kesan daripada pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup dan kenaikan kadar inflasi.

"Kedua-dua langkah ini akan membabitkan perbelanjaan sebanyak RM234 juta," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohammed Azman berkata, pelarasan Kos Sara Hidup untuk faedah berkala PERKESO dijangka memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima faedah dan membabitkan anggaran perbelanjaan berjumlah RM213 juta.

"Sejak 1977 sehingga kini, pelarasan Kos Sara Hidup bagi bayaran faedah berkala PERKESO sudah dibuat sebanyak 12 kali di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan 10 kali di bawah Skim Keilatan," katanya.

Beliau berkata, kadar pelarasan Kos Sara Hidup bagi penerima faedah berkala PERKESO yang berkuat kuasa pada 1 Januari adalah antara 0.7 peratus hingga 9.4 peratus mengikut tarikh terakru (tahun pence n diterima).

"Peratus pelarasan bagi pence n terakru sebelum tahun 2015 adalah 9.4 peratus, pence n terakru dalam tahun 2015 (8.4), pence n terakru dalam tahun 2016 (6.2), pence n terakru dalam tahun 2017 (2.3), pence n terakru dalam tahun 2018 (1.3), pence n terakru dalam tahun 2019 (0.7)," katanya.

Mohammed Azman berkata, pelaksanaan kenaikan Kadar Pencen Minimum di bawah Skim Keilatan ditingkatkan daripada kadar sedia ada iaitu sebanyak RM475 sebulan kepada RM550 sebulan.

"Peningkatan Kadar Pencen Minimum ini akan memanfaatkan kira-kira 56,000 penerima faedah dalam membantu mereka menangani peningkatan kos sara hidup. Peningkatan ini akan membabitkan perbelanjaan sebanyak kira-kira RM21 juta.

"Adalah menjadi harapan PERKESO agar kedua-dua inisiatif ini akan dapat meringankan beban kewangan, meningkatkan kesejahteraan dan memenuhi keperluan sosioekonomi penerima faedah PERKESO," katanya.